

MSC tak boleh terus harap kepaka

BH 2/6/07 M/S 12

Oleh Rahisam Ramli

INDIVIDU kreatif ialah mereka berjiwa merdeka, tidak suka dikongkong, berani, toleran dan lebih panjang akal. Jika begitu, adakah mahasiswa kita hari ini memiliki ciri itu? Benarkah mereka takut bertanya, tidak agresif dan tidak memiliki pemikiran analitikal dan adakah mahasiswa kita di luar negara bersedia berkhidmat di tanah air sendiri.

Isu pertama didedahkan sendiri Ahli Panel Penasihat Antarabangsa (IAP) MSC Malaysia ke 10, baru-baru ini. Jika pendedahan ini memang menggambarkan ciri dan tingkah laku keseluruhan mahasiswa, kita kena terima hakikat dan perlu melakukan sesuatu memperbaikinya.

Manakala, isu kedua berdasarkan ucapan Perdana Menteri, Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi ketika pertemuan dengan pelajar Malaysia di Osaka, Jepun, baru-baru ini.

Menariknya, dua isu disampaikan seolah-olah memberi isyarat kepada mahasiswa bahawa mereka perlu bersiap sedia meneruskan agenda kemajuan negara dengan personaliti sebagai pemimpin - berani berhujah, berfikiran matang, proaktif

adalah sifat pemimpin disegani. Bagaimana mungkin mereka boleh memimpin negara jika tidak ada sikap patriotik, lemah tidak setanding dengan pelajar Universiti Harvard (selepas dibandingkan dalam isu pertama) dan proaktif.

Kini, negara berada di fasa kedua untuk merealisasikan Wawasan 2020 dengan lebih yakin dan landasan kukuh menerusi pelbagai pelaksanaan Rancangan Malaysia Kesembilan (RMK-9). Sementara, pembangunan modal insan adalah prasyarat penting memacu ekonomi berasaskan pengetahuan dan teknologi. Begitulah harapan Perdana Menteri terhadap sistem pendidikan masa kini yang mampu melahirkan generasi ulul albab.

Gesaan Perdana Menteri itu sebenarnya ada asas tersendiri iaitu mahu melihat Malaysia berada di landasan sebuah negara maju dibangunkan kekuatan tenaga kerja tempatan. Dengan erti kata lain, tanggungjawab memajukan negara terletak di bahu rakyat tempatan, bukannya orang luar.

Berdasarkan data statistik dari Sektor Pengurusan IPTA, Jabatan Pengurusan IPT, sehingga 2005 seramai 56,609 pelajar melanjutkan pelajaran ke beberapa negara seperti Amerika Syarikat, Australia, Me-

sir, United Kingdom dan Indonesia. Ia jumlah yang ramai dan tentunya membabitkan kos tinggi. Namun, kerajaan tetap berpandangan bahawa menghantar pelajar ke luar negara ada kebaikannya. Manakala pelajar IPT dalam negara dilaporkan seramai 649,653 orang pada 2005.

Projek Koridor Raya Multimedia Malaysia (MSC) diilhamkan pada 1997 berjaya mewujudkan 48,000 peluang pekerjaan bernilai tinggi sepanjang tiga tahun lalu. Sekarang kerajaan mensasarkan agar mewujudkan 100,000 lagi peluang pekerjaan terutama dalam bidang usahawan teknologi pembangunan industri kecil dan sederhana berasaskan ICT.

Manakala menjelang 2010, kerajaan diharap dapat mewujudkan 6,000 peluang pekerjaan di Cyberjaya. Secara tidak langsung ia menjadikan Malaysia tumpuan utama pelabur untuk menyuntik modal dan menyertai projek mega ini.

Seperti syor menarik diutarakan Pengasas dan Pengerusi BBWORLD Consulting Services Sarl, Dr Robert Bishop bahawa pembangunan modal insan sangat penting untuk membawa MSC Malaysia ke peringkat global dan perlu digerakkan bermula dari sekolah rendah dan menengah lagi.

aran asing

Di sini letaknya ukuran semangat patriotisme kepada negara diharapkan menjadi agenda dunia pendidikan masa kini. Nasihat beliau supaya tidak mementingkan diri sendiri dan pelajar mesti bersedia untuk mencurahkan kemahiran bagi memajukan negara.

Bagi melahirkan generasi muda mahir dan berkaliber, maka kerajaan menyediakan peruntukan untuk meningkatkan kemahiran modal insan menerusi pendidikan dan latihan. Oleh kerana modal insan amat berkait rapat dengan bekalan tenaga mahir maka dalam Bajet 2007, kerajaan memperuntukkan RM33.4 bilion untuk sistem pendidikan dan latihan bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan, manakala RM10.4 bilion untuk pengajian tinggi dan RM10.1 bilion untuk latihan. Selain daripada itu, sebanyak RM195 juta diperuntukkan bagi menaik taraf kemudahan di universiti tempatan sedia ada.

Dalam RMK-9, Kementerian Sains, Teknologi dan Inovasi diberi peruntukan RM5.3 bilion untuk pembangunan sains dan teknologi. Oleh itu, Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi bertanggungjawab menyediakan bekalan sumber manusia diperlukan oleh negara. Manakala, penajaan untuk pendidikan disediakan melalui Mara pada 2006 sebanyak RM849 juta dikeluarkan. Begitu juga Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional meluluskan RM2,762.90 juta untuk pinjaman pendidikan pada 2005.

Di samping itu, agensi kerajaan, syarikat berkaitan kerajaan, kerajaan negeri, organisasi swasta seperti syarikat dan bank juga menyediakan bantuan kewangan untuk pendidikan pada peringkat tinggi. Semua dana disediakan ini tidak lain dan tidak bukan hanyalah untuk memastikan negara kita mempunyai kemahiran modal insan daripada anak tempatan sendiri.

Seorang ahli panel IAP, Dr Terry Cutler pula berpandangan pentingnya kerajaan membuat pelaburan besar ke arah peningkatan kepakaran untuk pelajar luar negara. Kita tidak boleh selamanya bergantung kepakaran dari luar negara saja tanpa mempunyai kepakaran tempatan yang sebanding pada peringkat antarabangsa.

Sudah pasti usaha itu perlu diterajui dua kementerian iaitu Kementerian Pelajaran dan Kementerian Pengajian Tinggi. Secara tidak langsung, dasar kerajaan untuk menghantar pelajar melanjutkan pelajaran di luar negara adalah satu langkah perediaan merealisasikan matlamat pembangunan modal insan kelas pertama.

Oleh kerana pendidikan adalah komponen utama menyediakan tenaga mahir dalam kemajuan MSC, sudah tentu kerajaan menanti pelajar luar negara pulang ke tanah air bagi mengisi peluang pekerjaan diwujudkan di sini. Jika jurang peluang pekerjaan dengan pekerja terlatih semakin membesar, akhirnya akan membawa kegagalan MSC.

Penulis ialah Pensyarah Fakulti Pengajian Islam, Kolej Teknologi Islam Antarabangsa Melaka (KTIAM)